

Ford, orang-orang Muslim dan masjid-masjid di Dearborn, Michigan



Dearborn adalah tempat asal Henry Ford dan ibupejabat dunia bagi Syarikat Motor Ford. Beberapa tahun yang lalu, ramai orang Muslim

berhijrah ke United States kerana tertarik kepada upah pekerjaan yang tinggi dalam perindustrian auto di kawasan itu.

Dearborn, Michigan kini mempunyai tumpuan orang-orang Muslim Arab yang terbesar di Amerika Utara. Terdapat 32,000 orang Muslim Arab dari Lebanon, Yemen, dan Iraq yang menetap di Timur Dearborn dan mereka merupakan hampir 1/3 dari populasi itu. Adalah kebiasaan melihat tulisan Arab pada tanda-tanda di kedai dan papan iklan di sesetengah daerah.

Masjid-masjid: Masjid-masjid dan pusat-pusat Islam memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan orang-orang Muslim Amerika. Mereka merupakan tempat-tempat perlindungan dan rehat; tempat-tempat di mana seorang Muslim boleh mengalami komuniti Islam dan mempelajari Islam. Ramai orang Muslim berasa selamat dan lebih relaks di dalam pusat itu yang juga terasing dari pengaruh-pengaruh luar. Dearborn merupakan salah sebuah tempat di US di mana panggilan untuk berdoa dapat didengar secara awam melalui pembesar suara. Pusat Islam



Amerika di Dearborn iaitu masjid Syi'ah yang kerap dikunjungi oleh orang-orang Muslim Lebanon adalah masjid yang terbesar di US. Laman web Pusat Islam Amerika mempunyai beberapa gambar yang baik: www.icofa.com/.

Memperkenalkan

Yesus: Terdapat usaha untuk memperkenalkan Yesus kepada orang-orang Muslim di Dearborn.

Walaupun bagaimanapun, ramai orang yang percaya secara umumnya mengatakan bahawa kadang-kala adalah sukar untuk bercakap tentang kepercayaan kepada Yesus

dengan orang-orang Muslim di Dearborn berbanding dengan tempat-tempat yang lain. Ramai orang Muslim di Michigan mempunyai mentaliti kubu kuat (tertutup kepada pandangan luar) yang dinyatakan melalui tekanan komuniti untuk mengikuti ideal-ideal Muslim.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah agar orang-orang Muslim di Dearborn akan memberi respon kepada injil yang pernah didengar oleh*

mereka (Kisah Para Rasul 28:26-28)

- *Berdoalah untuk orang-orang percaya yang berbahasa Arab dan berlatarbelakangkan agama Islam yang tinggal di kawasan itu. Semoga kasih karunia Tuhan bagi orang-orang di kawasan-kawasan kejiranan Yemen, Iraq dan Lebanon akan memulakan komuniti-komuniti baru bagi orang-orang yang percaya.*
- *Berdoa agar kaum lelaki yang baru mempercayai*



Mesias akan mengaku iman mereka secara terbuka dalam konteks keluarga mereka bahkan juga di dalam komuniti Muslim yang besar. Pengaruh dan kekuasaan mereka di dalam keluarga dan masyarakat akan membuka jalan untuk Injil didengari dan dituruti oleh orang lain.

**Pendapat yang tidak
menyenangkan**

- Orang Muslim senantiasanya mempercayai bahawa Alkitab telah diubah dan tidak asli. Mereka akan menyangkal kekuasaanNya kerana mereka melihatnya sebagai sesuatu yang tidak asli.
- Orang-orang Muslim mempercayai bahawa Tritunggal merupakan suatu kepercayaan kepada tiga tuhan. Ramai orang Muslim mempercayai bahawa Tritunggal Kristian mengandungi Bapa,

Maria dan Anak (Yesus).

Mereka percaya bahawa ia adalah suatu hujatan untuk mengakui keilahian Yesus dan memanggilnya sebagai “Anak Allah”. Ramai orang mempercayai Tuhan mempunyai hubungan seksual dengan Maria dan seorang anak telah dilahirkan secara fizikal melalui perisetubuhan. (Idea ini juga tidak diterima untuk orang-orang Kristian.).

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

